

BENCANA BANJIR

ULU SELANGOR: FAKTA DAN ANGKA



LATAR BELAKANG

- Daerah Ulu Selangor merupakan salah sebuah daerah yang terletak di utara Negeri Selangor. Dari sudut geografi, Daerah Ulu Selangor terletak di utara Lembah Klang dengan keluasan 175,630.11 hektar.
- Daerah Ulu Selangor mula wujud semasa permulaan pemerintahan Inggeris di Kuala Kubu Bharu iaitu pada 12 Mei 1883, selepas sembilan (9) tahun campur tangan British di Negeri Selangor. Peringkat awalnya, pentadbiran Daerah Ulu Selangor dikenali dengan “*Collector of Land Revenue* (Pemungut Hasil) and *Magistrate Of Hulu Selangor*” dan antara penjawatnya ialah *Cecil Ranking* dan *Mac Carthy* iaitu semasa *Frank Sweettenham* menjadi Residen British di Selangor (Portal Rasmi Pejabat Daerah Dan Tanah Ulu Selangor, 2022).
- Daerah Ulu Selangor mempunyai 25 mukim iaitu Mukim Ampang Pechah, Mukim Batang Kali, Mukim Buloh Telor, Mukim Kalumpang, Mukim Kerling, Mukim Kuala Kalumpang, Mukim Peretak, Mukim Rasa, Mukim Serendah, Mukim Sungai Gumut, Mukim Sungai Tinggi, Mukim Ulu Bernam, Mukim Ulu Yam, Bandar Batang Kali, Bandar Kalumpang, Bandar Kuala Kubu Baharu, Bandar Rasa, Bandar Serendah, Bandar Sungai Chik, Bandar Ulu Bernam I, Bandar Ulu Bernam II, Bandar Ulu Yam, Bandar Ulu Yam Baharu, Pekan Kerling dan Pekan Simpang Sungai Choh.
- Pada mulanya pentadbiran daerah terletak di Kuala Kubu (lama) yang kini dikenali dengan nama “Ampang Pecah”. Pemindahan ke tempat pentadbiran yang baru pada 1 September 1930 seperti yang terdapat pada masa kini adalah kerana kawasan bandar lama tersebut terletak di kawasan yang rendah dan sering berlaku kejadian banjir besar.

Sumber: 1. <https://mphs.gov.my/ms/mphs/info-hulu-selangor>
2. <https://www.selangor.gov.my/huluselangor.php/pages/view/195?mid=36>
3. Banci Malaysia 2020: Mukim/Bandar/Pekan

1



20 Oktober

2016 - 2030

MENGIMBAS BANJIR BESAR DI SELANGOR



BANJIR 2021



➤ Melanda 8 Daerah



➤ 22,875 Mangsa



➤ 5,156 Keluarga



➤ Melibatkan 125 PPS



➤ 24 Kematian



KAWASAN YANG TERLIBAT :

Daerah Petaling (Shah Alam & sekitar)

- Taman Sri Muda (Seksyen 25)
- Seksyen 28, Seksyen 32, Bukit Jelutong.
- Kota Kemuning.

Daerah Klang

- Bandar Klang, Klang Utara & Klang Selatan.
- Meru, Bukit Raja.

Daerah Hulu Langat

- Batu 14 & Batu 18 Hulu Langat.
- Kampung Sungai Lui.
- Dusun Tua, Ampang Pecah.
- Pekan Batu 9.

Daerah Petaling Jaya / Subang

- Kampung Cempaka.
- Ara Damansara.
- Damansara Damai.
- Subang Jaya (USJ, Putra Heights).

Daerah Sepang

- Dengkil.
- Salak Tinggi.
- Kota Warisan.

Daerah Kuala Langat

- Banting.
- Kampung Bukit Changgang.
- Labohan Dagang.

Daerah Gombak

- Batu Caves.
- Hulu Kelang.
- Taman Sri Gombak

Sumber:


https://www.astroawani.com/berita-malaysia/banjir-selangor-angka-korban-meningkat-kepada-24-orang-337915?utm_source=https://m.malaysiakini.com/news/6038812
https://www.kosmo.com.my/2021/12/23/banjir-24-korban-banjir-di-selangor/#google_vignette
<https://www.iseas.edu.sg/articles-commentaries/iseas-perspective/2022-26-malaysias-floods-of-december-2021-can-future-disasters-be-avoided-by-serina-rahman>
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hujan-luar-biasa-air-pasang-punca-banjir-di-selangor-mb-337092>
<https://pulse.astroawani.com/banjir2021>
<https://www.kosmo.com.my/2021/11/17/150-kawasan-di-selangor-berdepan-banjir/>




20 Oktober

2016 - 2030

HIDROGRAF STESEN



Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Sg. Bernam, Tanjung Malim telah meningkat kepada paras bahaya pada 15 September 2025




Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Sg. Bernam, Kg. Sg. Selisek telah meningkat kepada paras bahaya pada 15 September 2025 sehingga 16 September 2025

Sumber: https://publicinfobanjir.water.gov.my/wl-graph/?stationid=3714080_&lang=en
https://publicinfobanjir.water.gov.my/wl-graph/?stationid=3615003_&lang=en



HIDROGRAF STESEN




Paparan hidrograf menunjukkan paras air Stesen Sg. Bernam, Jambatan SKC telah meningkat kepada paras bahaya pada 15 September 2025 sehingga 17 September 2025

Sumber: https://publicinfobanjir.water.gov.my/wl-graph/?stationid=3813001_&lang=en

BANJIR 2025

- Sejumlah 2 Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Mukim Hulu Bernam beroperasi bagi menempatkan mangsa banjir di daerah Ulu Selangor dari 15 September 2025 sehingga 16 September 2025.
- Antara kampung yang terjejas ialah Kg. Paya Lebar, Kg. Nilam, Kg. Selisek, Kg. Serigala, Kg. Sekolah dan Kg. Simpang Empat.

PETA TABURAN PENDUDUK MENGIKUT MUKIM DAN *HOTSPOT* PPS



Sumber:

https://www.facebook.com/story.php?story_fbid=1438721457181664&id=100031314701614&rid=1qbb8pt0D8fXMK8s#

PETUNJUK
PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA

SENARAI PUSAT PEMINDAHAN SEMENTARA (PPS)

DEWAN ORANG RAMAI, HULU BERNAM








DEWAN SERBAGUNA KAMPUNG SEKOLAH SUNGAI SELISEK, HULU BERNAM



Sumber: <https://www.met.gov.my/forecast/weather/district/Ds051/>



RAMALAN CUACA

TARIKH	CUACA	RAMALAN
17/09/2025 Rabu	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Ribut petir di beberapa tempat Petang: Hujan di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 23°C Maks: 32°C
18/09/2025 Khamis	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 23°C Maks: 33°C
19/09/2025 Jumaat	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di beberapa tempat Malam: Hujan di beberapa tempat Min: 24°C Maks: 34°C
20/09/2025 Sabtu	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 34°C
21/09/2025 Ahad	 Ribut petir di kebanyakan tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di kebanyakan tempat Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 34°C
22/09/2025 Isnin	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 34°C
23/09/2025 Selasa	 Ribut petir di beberapa tempat	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di beberapa tempat Malam: Tiada hujan Min: 24°C Maks: 34°C

Sumber: <https://www.met.gov.my/forecast/weather/district/Ds051/>



IMPAK BANJIR

Banjir Hulu Bernam: 41 mangsa dipindahkan ke PPS

15 September 2025, 4:15pm

62 Shares [Share](#) [Tweet](#) [Share](#) [Email](#)



Seramai 41 mangsa banjir daripada sembilan keluarga dipindahkan ke PPS Dewan Hulu Bernam susulan kediaman mereka dilanda banjir; hari ini - Foto Ihsan Pembaca

Oleh: Amirul Aiman Hamsuddin

SHAH ALAM: Seramai 41 mangsa banjir daripada sembilan keluarga dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Dewan Hulu Bernam selepas kediaman mereka di Jalan Besar Ipoh-Kuala Lumpur, Batu 49, Hulu Bernam, Hulu Selangor, dekat sini, dinaiki air awal pagi hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Selangor Yuhanas Auree Kamarudin berkata, dalam kejadian itu, sembilan rumah terjejas bersama sembilan kereta, sembilan motosikal dan dua lori.

Beliau berkata, jumlah mangsa membabitkan 13 lelaki, 11 wanita, enam warga emas, lapan kanak-kanak, dua orang kurang upaya (OKU) dan seorang bayi perempuan.

"Terdahulu, Pusat Kawalan Operasi Daerah menerima panggilan daripada orang awam berkaitan banjir susulan hujan lebat yang berterusan sejak 2 pagi.

"Paras bacaan paras air sungai menunjukkan paras bahaya iaitu 42.60 meter," katanya dalam kenyataan.

Sumber: <https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-hulu-bernam-41-mangsa-dipindahkan-ke-pps/>

Penerangan Daerah Hulu Selangor's post

Penerangan Daerah Hulu Selangor is with APM Daerah Hulu Selangor and 13 others. 2d · 🌐

!!! 2 OKU, 2 Bayi Antara 41 Mangsa Banjir Di Hulu Bernam.

Hulu Bernam, 15 September - Sebuah Pusat Penempatan Sementara (PPS) telah dibuka di Dewan Hulu Bernam jam sembilan pagi tadi bagi menempatkan seramai 41 mangsa yang terjejas akibat banjir.

Menurut laporan dari Sekretariat Bencana Daerah Hulu Selangor seramai 41 mangsa dari sembilan keluarga termasuk enam warga emas, lapan kanak, dua OKU dan dua bayi dari Lot. 7048, Batu 49 Hulu Bernam.

"Hujan lebat yang berterusan sejak awal pagi tadi membuatkan paras air sungai Bernam meningkat dengan cepat melepasi paras bahaya, 42.60m serta turut menenggelamkan sembilan buah kereta, dua buah lori dan sembilan buah motosikal.

"Walaupun bagaimanapun cuaca cerah tengah hari ini akan membantu memudahkan urusan kesemua mangsa yang kini berada di PPS memandangkan banjir di lokasi kejadian semakin surut", katanya.

Salah seorang mangsa, Adharuddin Abdullah, 69, turut berkongsi keadaan rumahnya yang dimasuki air seawal jam lima pagi akibat hujan lebat yang berterusan.

"Saya bergegas keluar rumah bersama anak dan isteri bagi menyelamatkan diri kerana air naik terlalu pantas. Semua barangan dan perkakas rumah tidak sempat dibawa dan ditenggelami air. Dalam tempoh tujuh tahun inilah banjir terburuk yang berlaku di kampung ini," katanya penuh sayu.

Pusat Penempatan Sementara mangsa banjir Dewan Hulu Bernam dibuka pada jam sembilan pagi tadi atas arahan Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tn. Yuhanas Auree Kamaruddin selaku Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah bagi menempatkan semua mangsa banjir yang terjejas susulan laporan dari Unit Pengurusan Bencana dan Operasi, APM Hulu Selangor.

Laporan: Pegawai Penerangan Daerah Hulu Selangor
• Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Selangor

#loveHuluSelangor #hulubernam #banjir #bencana #nadma #MalaysiaMadani #huluselangor



Sumber: <https://www.facebook.com/ppd.huluselangor.16/posts/2-OKU-2-Bayi-Antara-41-Mangsa-Banjir-Di-Hulu-BernamHulu-Bernam-15-September-sebu/1437789903941486/>

Banjir di Hulu Selangor: 99 mangsa dibenarkan pulang

16 September 2025, 3:55pm



Banjir di Hulu Selangor semakin pulih. Foto NSTP

SHAH ALAM: Semua 99 mangsa banjir daripada 30 keluarga yang ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di Kampung Sekolah, Hulu Bernam, Hulu Selangor dibenarkan pulang, hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Hulu Selangor, Yuhanas Auree Kamarudin berkata, PPS terbabit menempatkan mangsa daripada Kampung Serigala dan Kampung Sekolah.

"Hasil pemantauan mendapati kedua-dua kampung dalam keadaan baik dan terkawal. Beberapa kawasan yang dinaiki air telah menunjukkan trend penurunan. "Paras air juga menurun dan dalam keadaan terkawal," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Menurutnya, pihaknya akan menjalankan pemantauan dari semasa selain menghargai kerjasama semua jabatan dan agensi yang membantu mangsa banjir itu.

Sumber: <https://www.buletintv3.my/nasional/banjir-di-hulu-selangor-99-mangsa-dibenarkan-pulang/>



BANJIR | 2 PPS Dibuka Di Hulu Selangor

Buletin TV3
2.18M subscribers

Subscribe

31

Share

4,358 views Sep 16, 2025 #BuletinTV3 #TV3

Sebanyak dua pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di daerah Hulu Selangor menempatkan 36 keluarga setakat jam 7 pagi tadi. https://watch.tonton.com.my/?utm_sour...

lia berikutan mereka di jalan besar Ipoh-Kuala Lumpur, Batu 49, Hulu Bernam, Hulu Selangor dinaiki air awal pagi semalam.

Dapatkan berita terkini, tepat dan sahih dengan 'SUBSCRIBE' YouTube Buletin TV3


IKUTI kami di:
Facebook: [/buletintv3official](#)
Twitter: [/buletintv3](#)
Instagram: [/buletintv3](#)
Website: <https://www.buletintv3.my>
TikTok: [/buletintv3](#)
Telegram: <https://t.me/BuletinTV3Official>
Whatsapp Channel: <https://bit.ly/3SznJ5L>
LUMI: <https://bit.ly/3ZhzN8m>

Lagi berita terkini dan komprehensif, layari www.buletintv3.my

Sumber: https://www.youtube.com/watch?v=Y_ms4WodEIE




DEMOGRAFI PENDUDUK ULU SELANGOR




Sumber : 1. Penemuan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 : Daerah Pentadbiran Hulu Selangor
 2. Anggaran Penduduk Semasa Mengikut Daerah Pentadbiran, Hulu Selangor 2025
 3. Penerbitan Perangkaan Perkahwinan dan Perceraian 2024
 4. Perangkaan Penting Malaysia, 2021 & 2024
 5. Perangkaan Sebab Kematian Malaysia, 2024
 6. My Local Stat Ulu Selangor , 2023
 7. My Local Stat Ulu Selangor , 2020
 8. <https://www.statistics.gov.my/portal-main/next?id=3>

DEMOGRAFI PENDUDUK MUKIM ULU BERNAM I



DEMOGRAFI PENDUDUK MUKIM ULU BERNAM II



Sumber : Banci Malaysia 2020: Mukim/Bandar/Pekan

STATISTIK SOSIOEKONOMI & KEMUDAHAN AWAM, ULU SELANGOR



PENDAPATAN ISI RUMAH KASAR BULANAN, 2022

	PURATA (RM)	PENENGAH (RM)
JUMLAH	8,779	7,678


RUMAH IBADAT



29 MASJID



20 TOKONG



20 KUIL



3 GEREJA

KESIHATAN

1 HOSPITAL
KERAJAAN



24 KLINIK
KERAJAAN

GUNA TENAGA



1.7% KADAR PENGANGGURAN
77.5% KADAR PENYERTAAN TENAGA BURUH

KESELAMATAN



1 IPD
11 BALAI POLIS



2 BALAI BOMBA

PENDIDIKAN

50 SEKOLAH
RENDAH



17 SEKOLAH
MENENGAH

PAKW, 2023

Bandar
RM 3,907



Luar Bandar
RM 4,372

Sumber : Indikator Kos Sara Hidup, Selangor, 2023

KDNK, 2020




RM 10.4 Bilion

Sumber : Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Daerah Pentadbiran, Ulu Selangor, Selangor, 2015-2020




BILANGAN PREMIS PERNIAGAAN MENGIKUT SEKTOR, ULU SELANGOR



Sumber: *Malaysia Statistical Business Register (MSBR)*, 2024



PORTAL DAN DASHBOARD DOSM : MEDIUM SEBARAN STATISTIK



OpenDOSM




MyAgeing Dashboard



MyLocal Stats



SDG




MyDemography



MyPAKW



Kalkulator Jangka Hayat



Portal Bencana NADMA

